

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 JUN 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 16

Kurang tenaga kerja



HANYA DUA PROJEK SAKIT DIPANTAU ICU JPM

Kurang tenaga kerja

Oleh Hidayatidayu Razali
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Hanya dua projek dipantau Unit Penyealarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) yang dikategorikan sebagai projek sakit.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, dua projek berkenaan adalah pembinaan Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai bagi paket 2B dari Keterengah ke Kok Lanas sepanjang 6.2 kilometer (km) yang mengalami kelewatan sebanyak 23 peratus atau 308 hari.

Menurutnya, projek itu sepatutnya siap pada Mei lalu dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang mengambil langkah-langkah untuk mengetahui masalah itu serta menyiapkan projek itu dengan segera.

"Projek sakit kedua, pem-

binaan terminal Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Pengkalan Chepa yang lewat selama 100 hari.

"Selain itu, beberapa projek yang mengalami kelewatan iaitu pembinaan bagi paket 2C dari Bukit Sejuk Bukit Sejuk ke Gua Musang sepanjang 19.6 km dan paket 3B dan 3C Kilometer 180.5 FT08 ke Bulatan Gua Musang sepanjang 7 km," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Sesi Taklimat dan Mesyuarat Pengurusan Projek Pembangunan di Kota Darulnaim di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Pembangunan),

Datuk Dr Tengku Mohamed Faziharudean Tengku Feisal dan Pengarah JKR kelantan, Ir Mohd Suhaili Ismail.

Mengulas lanjut, Mustapa berkata, projek sakit dan mengalami kelewatan disebabkan beberapa masalah iaitu kekurangan tenaga kerja.

Katanya, selain itu, kenaikan harga barang binaan juga menjadi faktor projek ini terbengkalai dan lambat siap daripada masa ditetapkan.

"Kenaikan harga barang binaan termasuk besi untuk pembinaan dan bitumen untuk pembuatan jalan adalah satu masalah yang dihadapi di peringkat global dan bukannya di negara ini sahaja," katanya.

Mustapa berkata, projek lain yang mengikut jadual iaitu bagi pembinaan Lebuhraya Central Spine Road (CSR) yang membabitkan tiga paket dan sembilan seksyen. Empat seksyen dalam

peringkat pembinaan, manakala lima seksyen lagi dalam peringkat perolehan dan akan bermula tahun ini.

Beliau berkata, sebahagian daripada paket sedang dilaksanakan iaitu paket 2B dari Paloh 2 ke Bukit Sejuk sepanjang 20 km paket 3D dari Bulatan Gua Musang ke Mentara sejauh 7 km.



“
Kenaikan harga barang binaan adalah masalah yang dihadapi di peringkat global
Mustapa